



Ringkasan Penutup

Malaysia kini bersedia untuk menjadi sebuah negara berpengetahuan dengan pekerja mahir dan berpendidikan ke arah Negara Maju Menjelang 2020. Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia komited untuk bersama-sama dengan pihak kerajaan dalam merialisasikan impian Wawasan 2020 dalam Pembangunan Modal Insan rakyat khususnya Golongan B40.

Bagi menjayakan hasrat ini, FeMAC memohon jasabaik YAB Tun untuk mempertimbangkan beberapa permohonan kami seperti di bawah –

1. Menyediakan **DANA TAMBAHAN sejumlah RM500 JUTA untuk disalurkan ke PTPK – Kementerian Tenaga Manusia bagi Tahun 2018** untuk memenuhi permintaan **50,000 belia/beliawanis yang tercicir** dan gagal melanjutkan pengajian ke IPTA/IPTS/ILKA.
2. Mempertimbangkan tambahan **Dana Khas** bagi program-program **Up-skilling, re-skilling mahupun multi-skilling** melalui Persijilan Profesional kepada pekerja sediada.
3. Mempertimbangkan untuk meningkatkan **Peruntukan Dana Latihan** samada dalam bentuk pinjaman mahupun tajaan penuh bagi **Tahun 2019 & 2020** kepada **RM 1 Billion** (50% dari jumlah PTPTN) untuk memenuhi keperluan **Tenaga Kerja Mahir Negara**.